

COMPARISON BETWEEN WILL AND GIFT AS AN ESTATE PLANNING INSTRUMENTS IN ISLAM

PERBANDINGAN ANTARA WASIAT DAN HIBAH SEBAGAI INSTRUMEN MERANCANG HARTA PUSAKA MENURUT ISLAM

Siti Noor Farahin M. Fariddudinⁱ & Muhammad Adib Samsudinⁱⁱ

ⁱ Calon Sarjana. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
ummuhamzah8990@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
adib@ukm.edu.my

<p>Abstract</p>	<p><i>Wills and Gift are the popular estate planning instruments among Muslims. The method of execution of these wills and hibah is to reduce the number of cases involved. However, there are some differences between these two instruments. Hence, this paper examines the difference between a will and a gift by analyzing the advantages and disadvantages of both. The method used to explain this distinction is content analysis. Data derived from journal articles, al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh, al-Majmuk book, book of Laws in Malaysia, dictionary and also newspaper. All of these data will be analyzed descriptively. The findings show that the implementation of wills and gift has the same role as a property planning instrument. However, there is a difference between the two namely the will only occurs after the death and can be given one third to the non-heirs while the gift is implemented during life on the basis of compassion and not bound by certain limit rate and can be given to anyone. The will is still subject to faraid law and it is necessary to obtain the heirs' approval if they exceed the appropriate rate while the gift is not bound by the consent of any party. The advantage of the will is the transfer of property takes place after death - the property remains the property of the testator throughout his life. This can ensure the testator from be ignored by the recipient. The disadvantage of this instrument is the will of only 1/3 of the value of the testator's property to the non-heirs. The advantages of the gift can strengthen the recipients and beneficiaries as they are given during life. The disadvantage of gift is given during life and is likely to be ignored by the grantee after the property is transferred.</i></p> <p>Keywords: <i>Will, gift, estate.</i></p>
<p>Abstrak</p>	<p><i>Wasiat dan Hibah merupakan instrumen perancangan harta yang popular dalam kalangan umat Islam. Kaedah pelaksanaan wasiat dan hibah ini berperanan bagi mengurangkan jumlah pemasalahan kes harta pusaka yang berlaku. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua instrumen ini. Justeru, kertas ini akan mengupas perbezaan antara wasiat dan hibah dengan menganalisis kelebihan dan kekurangan kedua-duanya. Metode yang digunakan untuk menjelaskan perbezaan ini ialah analisis kandungan. Data yang diperolehi adalah daripada artikel jurnal, buku-buku ilmiah seperti kitab al-Fiqh al-Islamiyy wa Adillatuh, kitab al-Majmuk, buku Harta Amanah Orang Islam di Malaysia, buku Pentadbiran Undang-Undang di Malaysia, buku Wasiat & Wisayah dalam Perancangan Harta, kamus dan juga akhbar. Kesemua data ini akan dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian pula mendapati pelaksanaan wasiat dan hibah mempunyai peranan yang sama sebagai instrumen merancang harta. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara keduanya iaitu wasiat</i></p>

	<p><i>hanya berlaku selepas kematian dan boleh diberikan sebanyak satu pertiga kepada bukan waris sedangkan hibah dilaksanakan semasa hidup atas dasar kasih sayang dan tidak terikat dengan kadar had tertentu serta boleh diberikan kepada sesiapa sahaja. Wasiat juga masih tertakluk kepada hukum faraid dan perlu mendapat persetujuan waris jika melebihi kadar sepatutnya manakala hibah tidak terikat dengan persetujuan mana-mana pihak. Kebaikan yang terdapat pada wasiat adalah pemindahan hakmilik berlaku selepas kematian iaitu harta masih menjadi hak milik pewasiat sepanjang hidupnya. Ini dapat menjamin pewasiat daripada diabaikan oleh penerima. Kekurangan instrumen ini ialah pemberian hanya dengan kadar 1/3 daripada nilai harta pewasiat kepada bukan waris. Sekiranya melebihi kadar tersebut persetujuan daripada waris diperlukan. Kelebihan hibah pula dapat mengeratkan silaturahim sesama pemberi dan penerima memandangkan ia diberikan semasa hidup. Kekurangan hibah diberikan semasa hidup dan berkemungkinan untuk penghibah diabaikan oleh penerima hibah selepas harta bertukar milik.</i></p> <p><i>Kata Kunci: Wasiat, hibah, harta pusaka.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Memandangkan arus aliran zaman yang semakin berubah dan corak kehidupan masyarakat yang semakin berbeza, proses pentadbiran pembahagian harta secara faraid menjadi agak kurang berkesan kerana masing-masing sibuk dengan tugas dan kepentingan sendiri sehingga melupakan suruhan untuk mempercepatkan pembahagian harta selepas kematian seseorang (Rusnadewi & Norhisham, 2013). Antara penyebab yang dikatakan menjurus kepada pengabaian terhadap harta pusaka peninggalan adalah kerana kejahilan masyarakat atau waris-waris dalam soal pembahagian harta pusaka. Sebahagian daripada masyarakat pula bersikap tidak prihatin dan menganggap bahawa tugas untuk menyelesaikan harta pusaka ini merupakan suatu tugas yang remeh (Othman, 2006).

Berlandaskan kepada matlamat keadilan dalam pembahagian harta, pembahagian harta secara faraid sebenarnya tidak perlu ditafsirkan dengan terlalu rigid dan mengekang. Namun, masyarakat Melayu sendiri telah menyempitkan pemakaian hukum pembahagian harta secara faraid sehingga mengakibatkan pelaksanaannya menjadi tidak praktikal. Hakikatnya, jelas bahawa masyarakat masih kurang memahami tentang konsep pembahagian harta secara faraid dalam Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa hukum faraid sememangnya sudah digariskan dalam Islam sebagai suatu cara pembahagian harta pusaka si mati, namun secara praktikalnya, pelaksanaan hukum ini tidaklah semudah yang disangkakan. Ini adalah kerana proses penyelesaian pusaka yang dibuat biasanya akan memakan masa kerana melibatkan proses di beberapa badan tertentu serta memerlukan komitmen yang tinggi bagi waris-waris untuk menguruskannya (Noor Inayah, 2015).

Tambahan pula, kejahilan dalam bidang faraid serta sikap masyarakat yang tidak prihatin dan mengambil berat terhadap usaha pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan semakin berleluasa. Rentetan daripada sikap ini telah menimbulkan pelbagai masalah yang sukar diatasi dari sudut agama, ekonomi dan sosial. Kegagalan dan kelewatan pembahagian harta pusaka secara faraid juga boleh memberi impak yang besar dari sudut ekonomi negara dan masyarakat. Kelewatan menyelesaikan pembahagian harta pusaka telah menyebabkan sebahagian besar tanah-tanah pertanian yang mampu menghasilkan pulangan yang lumayan jika diusahakan terbiar begitu sahaja (Noor Inayah, 2015).

Fenomena kegagalan penyelesaian harta pusaka yang berlaku ini antaranya berpunca daripada sikap masyarakat yang sering beranggapan bahawa perancangan awal pengagihan harta adalah tidak diperlukan sama sekali memandangkan ia boleh diagihkan mengikut hukum faraid selepas kematian seseorang. Ini terbukti dengan

kenyataan oleh Pengerusi Amanah Raya, Datuk Dusuki Ahmad, yang menegaskan bahawa tanggapan sebahagian besar orang Islam bahawa pengurusan harta boleh diselesaikan melalui hukum faraid adalah antara punca utama berlakunya kelewatan pembahagian harta pusaka (Anon, 2005). Sehubungan itu, kesedaran tentang betapa pentingnya membuat perancangan awal mengenai pengagihan harta sebelum meninggal dunia adalah amat penting supaya para waris tidak menghadapi masalah menguruskan pembahagian harta peninggalan tersebut (Rejal, 2007).

Justeru, kajian mencadangkan sebagai usaha bagi mengatasi masalah yang timbul, kaedah pelaksanaan wasiat dan hibah ini dilihat dapat menjamin penurunan hak milik kepada waris mengikut kehendak pemberi, malah akan mengurangkan jumlah kes harta pusaka di seluruh negara (Rusnadewi & Norhisham, 2013).

Hibah merupakan satu alternatif pengurusan harta yang membawa tujuan atau maksud yang sama dengan bentuk-bentuk sistem pewarisan harta yang lain iaitu pengagihan harta kekayaan secara adil dan boleh memupuk kasih sayang serta mencegah permusuhan (Zalikhah, 2002). Oleh itu, hibah cukup signifikan untuk diamalkan oleh umat Islam di Malaysia pada masa kini (Noor Lizza, 2015).

Kaedah pelaksanaan hibah ini bukan sahaja dikatakan dapat menjamin penurunan hak milik harta kepada waris mengikut kehendak pemberi hibah, malah akan mengurangkan jumlah kes harta pusaka di seluruh negara. Ini adalah kerana pengagihan harta melalui kaedah hibah tidak perlu melalui proses pentadbiran yang rumit seperti yang perlu dilalui dalam pembahagian secara *faraid* yang dikatakan kurang berkesan dan kadangkala boleh menimbulkan ketidakadilan. Ini sekali gus dapat mengelakkan perebutan harta dan pertelingkahan ahli waris selepas kematian pemilik (Abdullah, 2006)

Seseorang yang ingin membuat amal jariah selepas kematian boleh mewasiatkan bahagian tertentu hartanya (dengan syarat tidak melebihi kadar satu pertiga harta) kepada badan-badan tertentu yang difikirkan patut. Agihan harta melalui wasiat juga signifikan bagi orang yang memiliki anak angkat kerana anak angkat tidak berhak untuk menerima harta melalui faraid (Nasrul, 2017).

Artikel ini akan mengupas persamaan dan perbezaan antara wasiat dan hibah serta menganalisis setiap kelebihan dan kekurangan setiap satunya.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bagi mendapatkan kefahaman yang jelas mengenai wasiat dan hibah, definisi dan konsep keduanya perlu diperhatikan. Definisi wasiat dari segi bahasa berasal daripada perkataan 'wassa' yang bererti menghubungkan atau menyampaikan sesuatu yang berkaitan dengan urusan si mati (Ibnu Manzur, 2008). Wasiat juga membawa maksud perjanjian dan penurunan kepada orang lain yang dilaksanakan selepas kematian pewasiat (Muhammad Imarah, 2009).

Dari sudut istilah para fuqahak wasiat adalah pemilikan peninggalan selepas kematian dengan cara berderma sama ada milikan tersebut berbentuk fizikal atau manfaat (Al-Zuhayliyy, 2008).

Hibah dari segi bahasa bermaksud cebisan daripada kain (al-Fayruzabadiyy, 2005). Definisi lain, hibah bererti pemberian dan penyampaian sesuatu kepada orang lain untuk dimanfaatkan sama ada harta atau selainnya (Muhammad Imarah, 2009). Hibah juga bermaksud pemberian semasa hidup dan merangkumi hadiah dan sedekah (Al-Zuhayliyy, 2005). Ketiga-tiga perkataan ini mempunyai pengertian yang hampir sama. Perbezaannya dari aspek tujuan pemberian. Sedekah ialah suatu pemberian kepada yang memerlukan bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah. Manakala hadiah pula ialah pemberian kepada penerima hadiah dengan maksud kasih sayang (Al-Zuhayliyy, 2005).

Hibah menurut syarak ialah pemberian milik untuk sesuatu barang tanpa balasan semasa hidup secara sukarela (Al-Nawawiyy, 2005). Hibah yang terbaik adalah kepada kaum keluarga dan sunat untuk tidak melebihi sesetengah anak

berbanding yang lain. Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan ciri-ciri hibah adalah seperti berikut (Mohd Zamro, 2006):

- i. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- ii. Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat.
- iii. Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (iwad).
- iv. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah.
- v. Ia dibuat secara sukarela tanpa paksaan.
- vi. Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.

Pensyariatan Wasiat dan Hibah

Wasiat disyariatkan melalui nas al-Quran, hadis, amalan sahabat dan ijmak. Pada peringkat permulaan Islam, seseorang itu diperintahkan berwasiat kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat yang terdekat sebagaimana firman Allah SWT:

﴿كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمْ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْأَقْرَبِينَ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ﴾

Maksudnya, “Diwajibkan atas kamu, apabila seseorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, (hendaklah ia) berwasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabatnya dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajiban atas orang-orang yang bertaqwa” (al-Quran. Al-Baqarah: 180).

Walaupun terdapat perintah, namun hukum menjadi harus kerana hukum wajib ini telah dimansuhkan dengan turunnya ayat-ayat al-Mawarith (ayat 11, 12, dan 176 surah al Nisa’) iaitu ayat yang secara khusus menyentuh peruntukan bahagian yang telah ditetapkan ke atas waris-waris dalam pembahagian harta pusaka. Perintah wajib tersebut telah dimansuhkan tetapi perbuatan wasiat itu menjadi suatu perbuatan yang digalakkan (disunatkan) masih kekal dan sebaik-baiknya hendaklah wasiat itu ke atas keluarga yang miskin atau anak-anak yatim yang tidak berhak mendapat harta pusaka. Terdapat juga hadis-hadis yang menggalakkan seseorang itu membuat wasiat. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar bahawa Rasulullah SAW bersabda:

{ مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُرِيدُ أَنْ يُوصِيَ فِيهِ يَبِيتُ لَيْلَتَيْنِ إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ }

Maksudnya, “Tiada hak (patut) bagi seorang muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan dibiarkan hingga dua malam melainkan wasiatnya itu tertulis di sisinya” (Hadis. Al-Bukhariyy dan Muslim. *Kitab Al-Wasiyyah, Bab Al-Amru bi Al-Wasiyyah*).

Berdasarkan hadis ini jelas bahawa langkah berhati-hati perlu dilakukan iaitu dengan menulis wasiat kerana seseorang itu tidak tahu bila ajalnya akan tiba. Kemungkinan kelalaiannya boleh mengakibatkan segala hajatnya tidak akan tercapai.

Hibah adalah suatu amalan yang sunat dan digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Amalan ini adalah berdasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Antara ayat al-Quran yang menggalakkan amalan hibah ialah sebagaimana firman Allah SWT:

﴿وَأَتُوا النَّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ بِحُلَّةٍ فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا﴾

Maksudnya, “Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, makanlah (ambilillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik balasannya” (al-Quran. Al-Nisa’. 4).

Menurut pandangan jumhur fuqaha, ayat tersebut menjadi dalil bahawa pemberian yang dilakukan oleh seorang isteri daripada maharnya kepada suaminya

adalah harus. Dengan demikian, keharusan mengambil pemberian isteri menerusi hibah merupakan dalil kepada keharusan hibah. (AlQurtubi 2012)

Kitab hadis pula banyak mencatatkan mengenai kelebihan melakukan hibah. Antaranya hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah saw bersabda dengan sanad Hasan.

{ تَهَادُوا تَحَابُوا }

Maksudnya, “Saling berhadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling sayang menyayang” (Hadis. Al- Bukhariyy. Kitab Al-Adab Al-Mufrad, Bab Qubul Al-Hadiyyah).

PERBANDINGAN ANTARA WASIAT DAN HIBAH

Terdapat beberapa perbandingan antara wasiat dan hibah yang boleh difahami sebagai instrumen merancang harta pusaka.

Perbezaan Pertama

Dari sudut waktu pindahmilik harta berlaku. Wasiat dilaksanakan selepas kematian pewasiat sedangkan hibah diuruskan semasa penghibah masih hidup. Ini bermakna pindahmilik harta bagi pewasiat akan berlaku setelah beliau meninggal dunia manakala pindahmilik harta penghibah berlaku semasa beliau masih hidup. Bagi menjelaskan fakta ini, sebagai contoh, seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Kelantan No.3 tahun 1982 memberi takrif alang hayat (hibah) sebagai bermaksud: “Pemberian percuma atau pindah milik harta oleh seseorang dalam masa hayat kepada sesiapa yang dikehendakinya”.

Kelebihan wasiat adalah proses pindahmilik harta dilaksanakan selepas kematian pewasiat bermakna pewasiat masih berhak ke atas hartanya sepanjang hayatnya. Kesannya, pewasiat masih boleh menguruskan hartanya seperti biasa namun selepas meninggal pewasiat, barulah wasiat akan dilaksanakan seperti yang dikehendaki pewasiat mengikut syarat tertentu. Berbeza dengan hibah, pindahmilik harta berlaku semasa hidup penghibah dan pengabaian terhadap penghibah boleh berlaku memandangkan harta tersebut telah pun menjadi milik penerima hibah.

Perbezaan Kedua

Dari aspek kumpulan penerima. Pemberian hibah tidak dihadkan kepada sekumpulan tertentu sahaja berbeza dengan wasiat yang mengecualikan waris sebagai penerima wasiat. Ini dapat diperhatikan melalui sabda Rasulullah SAW:

{ إن الله أعطى كل ذي حق حقه ألا لا وصية لوارث }

Maksudnya, “Sesungguhnya Allah telah memberi kepada setiap orang haknya. Oleh yang demikian, tidak boleh memberikan wasiat kepada ahli waris” (Hadis. Al-Bukhariyy. Kitab Al- Wasaya, Bab La Al-Wasiyyah Li Al-Warith).

Kelebihan hibah ialah seseorang boleh memberikan hibah kepada sesiapa yang dikehendakinya tanpa mengira sama ada penerima itu waris atau bukan waris manakala kekurangan wasiat hanya boleh diterima oleh bukan waris sebanyak satu pertiga daripada keseluruhan harta pewasiat. Sekiranya pewasiat mewasiatkan hartanya melebihi kadar 1/3 kepada bukan waris, maka persetujuan daripada waris faraid adalah diperlukan.

Terdapat golongan yang sangat digalakkan untuk membuat hibah. Antara mereka yang digalakkan untuk membuat hibah ialah mereka yang mempunyai anak angkat. Ini kerana anak angkat tidak mendapat bahagian pusaka di bawah hukum faraid. Dengan hibah maka anak angkat akan dapat memiliki harta mengikut kehendak penghibah (Siti Mashitoh, 2006).

Bagi ibu bapa yang ingin mewariskan harta kepada anak-anak mereka terutamanya kepada anak perempuan dengan pembahagian sama rata dengan anak lelaki juga sangat digalakkan untuk membuat hibah. Ibubapa yang ingin membuat

pembahagian harta selain daripada pembahagian menurut faraid atas sebab-sebab yang dibenarkan syarak, misalnya kesusahan hidup seseorang anaknya berbanding anak-anaknya yang lain, atau bagi tujuan pewarisan perniagaan, maka hibah ketika hidup boleh dilakukan. Bagi anak perempuan pula, bahagian pusaka yang diperuntukkan dalam faraid adalah sedikit berbanding bahagian anak lelaki. Maka dengan adanya hibah ini, anak perempuan akan dapat memiliki bahagian mereka sendiri mengikut kehendak penghibah.

Perbezaan Ketiga

Tidak sepertimana harta yang diwasiatkan yang tidak boleh melebihi sepertiga (1/3) daripada harta pusaka bersih, hibah memperlihatkan kelainan kerana tiada kadar had yang perlu dipatuhi seseorang dalam pemberian hibah (Rusnadewi & Norhisham, 2013). Berbanding wasiat, kadar yang boleh diwasiatkan terhad satu pertiga daripada keseluruhan harta dan tidak boleh mewasiatkan harta kepada waris yang berhak menerima pusaka kecuali dengan persetujuan waris lain (Musa Awang 2013). Sabda Rasulullah saw dalam hadisnya apabila ditanya mengenai kadar wasiat, Baginda menjawab:

{الثُّلُثُ وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ إِنَّكَ أَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تَدَعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّمُونَ النَّاسَ فِي أَيْدِيهِمْ}

Maksudnya, “Sepertiga dan sepertiga itu banyak dan sesungguhnya engkau meninggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya lebih baik daripada pada engkau tinggalkan mereka dalam keadaan fakir meminta-minta kepada orang lain (mengharapkan pemberian) tangan mereka” (Hadis. Al-Bukhariyy dan Muslim. *Kitab Al-Nafaqah, Bab Fadl Al-Nafaqah °Ala Al-Ahli*).

Maksud 1/3 harta itu ialah 1/3 daripada harta pembuat wasiat ketika ia meninggal dunia. Sekiranya pembuat wasiat tidak menyebutkan kadar 1/3 itu dalam wasiat yang dibuat olehnya, maka adalah sunat dicukupkan penyempurnaan wasiat itu sehingga kepada batas 1/3 daripada hartanya dengan syarat ahli waris yang ditinggalkan olehnya adalah orang yang kaya (cukup keperluan hidup). Penetapan kadar maksimum bagi pemberian wasiat ini adalah menjaga kepentingan waris-waris pewasiat kerana mereka mempunyai hak ke atas bahagian harta tersebut (Abdul Rashid, 1986).

Kelebihan hibah ialah tiada kadar had tertentu. Hal ini kerana hibah dianggap hadiah penghibah semasa hidup dan harta yang dihibahkan tidak termasuk dalam harta pusaka selepas penghibah meninggal dunia. Dalam kes *Jumaaton dan Raja Delila Iwn Raja Hizaruddin [JH Dis 1998 Jld XII Bhg II hlm. 201]* pemberian saham oleh seorang bapa kepada salah seorang anaknya sebanyak 11,095,666 daripada jumlah 12,560,313 unit saham dikira sebagai satu hibah yang sah walaupun jika diikutkan pembahagian secara faraid, anaknya tidak layak mendapat bahagian sejumlah itu.

Begitu juga dalam kes *Wan Mahmud bin Wan Abdul Rahman & 3 yang lain Iwn Aminah bintiHj. Taib & 2 yang lain [JH XVIII/II Bhg II Dis 2004 hlm. 331]* yang jelas menunjukkan bahawa pemberian hibah tidak mempunyai had tertentu kerana si suami dalam kes ini telah menghibahkan ½ bahagian daripada hartanya kepada isterinya.

Perbezaan Keempat

Pengurusan harta melalui hibah lebih senang dan cepat kerana pemberian dilakukan semasa mereka masih hidup lagi. Ini kerana pemberian melalui hibah tidak perlu melalui proses pusaka sebagaimana wasiat. Dengan adanya dokumen hibah, isteri akan dapat memiliki harta dengan cepat dan dapat membantu isteri bagi menyara kehidupan dirinya dan anak-anaknya (Siti Mashitoh, 2006).

Jika pelaksanaan menjadi mudah, harta akan dapat dimanfaatkan oleh penerima sebaik sahaja harta tersebut dipindah hak milik. Ini berbeza dengan wasiat yang perlu dibacakan di hadapan semua waris selepas kematian pewasiat dan perlu

melalui proses pusaka sama ada melalui Mahkamah Tinggi, Pejabat Tanah atau Amanah Raya Berhad yang memakan masa beberapa bulan.

Ini adalah kerana pembahagian harta pusaka sebenarnya tidak boleh dianggap selesai sekiranya bahagian yang diperolehi setiap waris tidak dapat dimanfaatkan atau memberi apa-apa faedah kepada penerima. Harta yang dibahagikan secara konvensional iaitu dengan cara meletakkan nama semua waris pada setiap bidang tanah yang diwarisi sehingga tidak mendatangkan apa-apa manfaat dari sudut ekonomi serta menyukarkan transaksi seterusnya, pada hakikatnya hanya merugikan waris. Bagi mengatasi masalah ini, hibah dilihat sebagai suatu cara berkesan untuk pembahagian yang lebih berfaedah (Rusnadewi & Norhisham, 2013).

WASIAT	HIBAH
Pindahmilik berlaku selepas kematian pewasiat	Pindahmilik berlaku semasa hidup penghibah
Tidak boleh berwasiat kepada waris kecuali dengan persetujuan waris	Boleh memberi hibah kepada sesiapa
Kadar 1/3 kepada bukan waris	Tiada kadar had tertentu
Perlu melalui proses pusaka	Tidak perlu melalui proses pusaka

Berdasarkan kajian di atas, wasiat boleh digunakan sebagai instrumen perancangan harta khususnya bagi seseorang yang memiliki keluarga yang tidak dapat mewarisi harta pusakanya kerana perbezaan agama atau terhalang oleh waris yang lebih dekat atau kerana mereka tidak berhak mewarisinya. Dengan demikian, kebimbangan mengenai halangan untuk menurunkan harta kepada keluarga asal (yang belum Islam) bagi mereka yang baru memeluk Islam tidaklah berbangkit kerana boleh diselesaikan melalui wasiat (selain hibah). Wasiat juga boleh digunakan sebagai instrumen perancangan harta dalam keadaan seseorang memiliki harta yang banyak dan berhasrat agar harta itu dikekalkan dalam bentuk yang asal (Nasrul, 2012).

Hibah ialah pemberian harta yang berlaku semasa hidup pemberi hibah, sedangkan wasiat ialah pemberian harta yang berlaku selepas kematian pewasiat. Kedua-dua instrumen ini digalakkan dalam Islam. Sekiranya ia dilakukan dengan betul dan selaras dengan kehendak syarak maka ia boleh mengelakkan berlaku pertikaian dan perebutan harta di samping dapat membantu kaum kerabat yang memerlukan bantuan (Mohd Zamro, 2006).

PENUTUP

Penyelidikan ini mendapati, wasiat dan hibah merupakan instrumen merancang harta pusaka yang efisien dan semakin diterima ramai memandangkan masyarakat semakin celik dalam merancang harta untuk memudahkan waris agar mudah mewarisi harta yang ditinggalkan. Ini terbukti dengan peningkatan jumlah pendaftaran wasiat di Amanah Raya Berhad di cawangan Shah Alam iaitu 107 pendaftaran pada tahun 2015, dan bertambah kepada 338 pendaftaran pada tahun 2016.

Hibah dan Wasiat adalah satu akad daripada sistem muamalah Islam yang kompleks. Oleh sebab kedua instrumen ini merupakan sebahagian daripada undang-undang Islam, maka pengamalannya tidaklah boleh dianggap sebagai mengelak daripada pembahagian harta secara faraid, tambahan pula hibah dan wasiat adalah suatu amalan yang digalakkan dalam syarak. Hibah dapat membantu ekonomi umat Islam, merapatkan ikatan persaudaraan dan pertalian kasih sayang sesama insan. Konsep hibah wajar disuburkan kembali dalam kehidupan masyarakat masa kini. (Musa Awang, 2013).

Seterusnya, wasiat dan hibah memiliki fungsi yang sama iaitu keduanya boleh digunakan sebagai instrumen perancangan harta bagi seseorang yang memiliki keluarga yang tidak dapat mewarisi harta pusakanya kerana perbezaan agama atau terhalang oleh waris yang lebih dekat atau kerana mereka tidak berhak mewarisinya.

Dengan demikian, kebimbangan mengenai halangan untuk menurunkan harta kepada keluarga asal (yang belum Islam) bagi mereka yang baru memeluk Islam tidaklah berbangkit kerana boleh diselesaikan melalui wasiat dan hibah. Tambahan pula, kedua-duanya juga boleh digunakan sebagai instrumen perancangan harta dalam keadaan seseorang memiliki harta yang banyak dan berhasrat agar harta itu dikekalkan dalam bentuk yang asal (Nasrul, 2012).

Walaupun begitu, pemberian wasiat hanya melibatkan satu pertiga kepada bukan waris dan sekiranya melebihi had sepatutnya wasiat masih terikat dengan persetujuan waris faraid selepas kematian pewasiat. Manakala hibah adalah pemberian semasa hidup yang tiada kadar had tertentu dan boleh diberikan kepada sesiapa sahaja mengikut hasrat penghibah. Kedua-duanya memiliki kelebihan dan kekurangan yang tersendiri seperti yang dibincangkan sebelum ini. Umat Islam berhak memilih instrumen yang sesuai dengan keadaan diri mereka dan menepati keperluan mereka.

RUJUKAN

- Abdullah b. Muhamad. 2006. *Isu-isu Dan Masalah-Masalah Dalam Pengurusan Pembahagian Pusaka Kecil*. Dalam Zamzuri Zakaria, Siti Zalkhah Md Nor, Mat Noor Mat Zain, Mohd Zamro Muda, Md. Yazid Ahmad & Mohammad Zaini Yahaya (pnyt.). Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam.
- Abdul Rashid Abdul Latif. 1986. *Wasiat Dalam Islam: Pengertian dan Kedudukannya di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu ^cUmar Yusuf Bin Abdillah Bin Muhammad Bin Baz. 1993. *Al-Istizkar*. T.tp: Dar Qutaybah-Dar Al-Wa^ciyy.
- Ahmad Bin ^cAliyy Bin Hajar Al-^cAsqalaniyy. 1986. *Fath al-Bariyy Sharah Sahih Al-Bukhariyy*. T.tp: Dar Al-Rayyan li al-Turath.
- al-Bukhariyy, Muhammad Bin Isma^cil. 2000. *Al-Adab Al-Mufrad*. T.tp: Dar Al-Sidq.
- al-Sayid al-Sabiq. 1973. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 3. Beirut. Dar al-Fikr.
- Anon. *RM 471 Juta Harta Pusaka Masih Gagal Diagih*. 2005. Utusan Malaysia, 30 September.
- Badruddin Haji Ibrahim. 2006. *Perkembangan dan Isu Undang-undang Hibah Orang Islam di Malaysia*. T.tp: T.pt.
- Al-Fayruzabadiyy, Muhammad Bin Ya^cqub. 2005. *Al-Qamus Al-Muhit*. T.tp: Al-Risalah Publisher.
- Harian Metro. 2016. *RM 60 Billion Harta Karun*.
- Ibnu Manzur Jamal al-Din Muhammad Bin Makram. 2008. *Lisan al-^cArab*. Beirut: Dar Sadir Publishers.
- Mahamud Arifin. 2007. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Siri Perkembangan Undang-undang Di Malaysia. Jilid 12.
- Muhammad al-Zuhayliyy. 2005. *Al-Wajiz Fi Al-Fiqh Al-Islamiyy*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbaji. 2003. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terj. Jld 5. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho & Ali al-Syarbaji. 2004. *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Terj. Jld 6. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Mohd Zamro Muda & Mohd. Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan Di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd Zamro Muda. 2006. *Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Nasrul Hisham Nor Muhamad. 2017. *Wasiat Sebagai Intrumen Perancangan Harta Islam : Prosedur dan Perlaksanaan*. Jurnal Hadhari 9 (1) (2017) 17-32.
- Nasrul Hisham Nor Muhamad. 2012. *Wasiat & Wisayah dalam Prancangan Harta Prinsip dan Amalan*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasrul Hisham Nor Muhamad. 2011. *Hibah Dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Al-Nawawiyy, Abu Zakariyya Muhy al-Din Bin Sharaf. T.th. *Al-Majmu^ʿ Sharh Al-Muhadhdhab*. T.tp: T.pt.
- Noor Inayah Yaakub. 2015. *Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lizza bt Mohamed Said, Mohd Ridzuan bin Awang & Amir Husin bin Mohd Nor. 2010. *Qabd Dan Hukum Penarikan Balik Hibah*. *Jurnal Muamalat* 3: 157-184.
- Othman Yaacob. 2006. *Pembentukan Trust Hibah Sebagai Alternatif Perancangan Harta*. Dalam Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, hlm. 174-175. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Qurtubiyy, Abu Abdillah Muhammad Bin Ahmad Bin Abi Bakr. 2012. *Al-Jami^ʿ Li Ahkam Al-Qur'an*. T.tp: Al-Risalah Publishers.
- Rejal Arbee. 2007. *Mengapakah RM40 bilion Harta Pusaka Tidak Diwasiatkan?* Dewan Masyarakat, Julai: 36.
- Siti Zalikah Md. Nor. 2002. *Pengurusan Wakaf, Wasiat Dan Hibah di Malaysia*.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisham Ahmad. 2013. *Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah*.
- Sarah B. 2004. *What Will I Be When I Grow Up? An Analysis of Childhood Expectations and Career Outcomes*. T.tp: T.pt.
- Siti Mashitoh Mahamood. 2006, *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran*. Universiti Malaya.
- Tajul Aris Ahmad Bustami. 2007. *Penghakiman Kes Wasiat Orang Islam: Satu Analisis*.
- Tuan Musa Awang. 2013. *Hibah Bantu Ekonomi, Semai Kasih Sayang*.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.